Kemanusiaan Vol. 33, No. 2 (2026), 69–91

Identiti Varian Dialek Melayu Jugra Berasaskan Perspektif Linguistik Sejarah

Identity of Jugra Malay Dialect Variants Based on Historical Linguistics Perspective

NORFAZILA AB HAMID
*SHAHIDI A. HAMID

Center for Research in Malay Language, Literature and Culture, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

***Corresponding author:** zedic@ukm.edu.my

Published online: 30 October 2026

To cite this article: Norfazila Ab Hamid dan Shahidi A. Hamid. 2026. Identiti varian dialek melayu jugra berasaskan perspektif linguistik sejarah. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 33(2): 69–91. https://doi.org/10.21315/kajh2026.33.3.4

To link to this article: https://doi.org/10.21315/kajh2026.33.3.4

Abstract. *This article attempted to collect vocabulary that is lost in phonological aspects and examined the current variant of its parent language, the Ancient Melayik language (BMP). This study compared vocals and diphthongs between BMP and the Jugra Malay dialect (DMJ) and discussed the innovations and retentions observed in DMJ. Traditional comparative approaches and the design of qualitative comparative research are fully used. Comparative findings show five phonological innovations or phonetic (organised and sporadic) and retention and retentions that are lowered in DMJ in the current variant of the City, Kelanang and Pasir Pasir variants. The results of the comparison that existed between these areas reinforced the argument that the DMJ was from the BMP group. This research helps to increase and showcase the connection of the continuation of the linguistic study of the Malay dialect under the Austronesian clump. The source of linguistic information in Selangor shows that the Malays or the Austronesians have lived in the archipelago for a long time.*

Keywords and phrases: *diphthong, linguistics, Jugra Malay, comparative, vowel*

Abstrak. Makalah ini cuba mengumpulkan kosa kata yang hilang dari aspek fonologi dan meneliti kekerabatan varian semasa dengan bahasa induknya iaitu bahasa Melayik Purba (BMP). Kajian ini membandingkan vokal dan diftong antara BMP dengan dialek Melayu Jugra (DMJ) dan membincangkan inovasi serta retensi yang berlaku dalam DMJ. Pendekatan perbandingan tradisional dan reka bentuk kajian perbandingan kualitatif telah dimanfaatkan sepenuhnya. Dapatan perbandingan menyerlahkan lima ciri inovasi fonologi ataupun perselisihan fonetik (teratur dan sporadik) dan retensi

© *Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2026. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/).*

yang diturunkan dalam DMJ dalam varian semasa iaitu varian Bandar, Kelanang dan Permatang Pasir. Hasil perbandingan yang wujud antara kawasan ini memperkukuhkan hujah bahawa DMJ adalah daripada kelompok BMP. Penyelidikan ini membantu menambah dan memperlihatkan keterikatan jalinan kesinambungan kajian linguistik bandingan terhadap dialek Melayu yang berada di bawah rumpun Austronesia. Sumber maklumat asli linguistik di Selangor menunjukkan bahawa orang Melayu atau orang Austronesia telah menetap di kawasan Nusantara ini untuk tempoh jangka masa yang lama.

Kata kunci dan frasa: diftong, Linguistik, Melayu Jugra, perbandingan, vokal

Pendahuluan

Para ilmuwan bahasa dan kebudayaan di Malaysia tidak pernah berhenti membincangkan perihal tanah air orang Melayu, susur galurnya mahupun bahasa Melayu-Polinesia itu sendiri. Aspek variasi bahasa atau dialektalnya sering kali menjadi tumpuan penelitian para sarjana. Kajian dialektal secara diakroniknya merujuk kepada penyelidikan tentang hubungan, kekerabatan ataupun sejarah dialek yang berbeza yang berasal daripada bahasa yang sama. Dialek Melayu Semenanjung Malaysia telah dibahagikan kepada tujuh kumpulan dialek oleh Asmah (1993). Pembahagian dialek yang dibuat oleh Asmah (1993) ini sudah tentulah berdasarkan perbandingan aspek-aspek fonologi. Dialek-dialek tersebut merangkumi:

1. Dialek yang letaknya di barat laut yang meliputi kawasan Perlis, Kedah (termasuk Langkawi), Pulau Pinang dan Perak Utara sehingga Taiping dan dikenali secara umum sebagai dialek utara atau dialek Kedah.

2. Dialek Perak yang meliputi kawasan Perak Tengah.

3. Dialek selatan meliputi Perak Selatan, Selangor, Melaka dan Johor.

4. Dialek Kelantan yang kawasannya ialah keseluruhan negeri Kelantan dan juga termasuk kawasan-kawasan sempadan Pahang dan Terengganu.

5. Dialek Terengganu yang terletak di bahagian timur Semenanjung. Keenam, dialek Pahang yang terdapat di negeri Pahang.

6. Dialek Negeri Sembilan yang dituturkan secara meluas di negeri Sembilan.

Secara amnya, sesetengah pendapat (Bellwood 1985; Dyen 1965; Kern 1889) mendakwa bahawa orang Melayu asalnya dari Taiwan, China ataupun wilayah Nusantara.

Secara umumnya, kajian dialektal terdahulu memanfaatkan tatacara kualitatif. Tatacara kualitatif, yang biasanya disebut sebagai kaedah perbandingan tradisional (Collins 1997), wujud semenjak bidang tersebut muncul di arena akademik global ketika pertengahan abad ke-19. Kelompok Neogrammarians dihubungkaitkan dengan penentuan ini. Tatacara kualitatif ini digunakan dengan melihat persamaan dan perbezaan ciri linguistik seperti fonologi dan morfologi bahasa serumpun. Selain itu, perangkat koresponden bunyi yang telah dibangunkan bagi membantu penentuan bentuk bahasa purba boleh dilihat dalam kajian terdahulu seperti Shahidi dan Mohamad Firdaus (2023), Norfazila et al. (2022), Shahidi et al. (2020), Shahidi, Mohamad Firdaus dan Rahim (2019), Rahim et al. (2017) dan Rahim, Norfazila dan Shahidi (2015). Disebabkan perbandingan ciri linguistik ini, ciri retensi (pengekalan) dan inovasi (perubahan) dikenal pasti (Ringe dan Eska 2013). Ciri-ciri ini boleh digunakan untuk menggambarkan hubungan jauh dekat atau pengelasan antara bahasa yang dibandingkan.

Bertitik tolak daripada kerancakan kajian terdahulu serta kewujudan aspek kepelbagaian DMJ dalam BMP itu sendiri, telah mendorong perbandingan tahap rendah (*lower-level reconstruction*) diusahakan dan diserlahkan menerusi kajian ini. Memandangkan terdapat banyak keunikan varian dalam DMJ yang belum dibuat penelitian sepenuhnya, maka DMJ yang berada di bawah pentadbiran negeri Selangor telah diberikan tumpuan dalam kajian ini. Objektif utama kajian ini melibatkan (1) perbandingan vokal dan diftong BMP dengan varian DMJ serta (2) perbincangan ciri inovasi dan retensi yang hadir dalam ragam DMJ.

Ulasan Kosa Ilmu

Mengumpul bahan daripada kajian lepas adalah salah satu cara untuk memulakan sesebuah kajian. Justeru, dalam makalah ini, terdapat enam buah penulisan dalam bidang linguistik yang melibatkan pengkajian tentang dialek Jugra telah dikaji melalui kajian perpustakaan. Antara penulisan lepas yang telah dirujuk ialah Asmah (1991), Collins (1996) dan Mumad et al. (2017), Norfazila (2018; 2019; 2020). Kajian terdahulu berkenaan dialek Jugra telah dirujuk dalam kajian ini bagi mengenal pasti dan mengkaji kelemahan yang perlu ditambah baik dalam usaha menghasilkan kajian baharu yang lebih saintifik. Oleh sebab itu, berdasarkan cerakinan kajian lampau itu, satu rumusan boleh dibuat untuk dijadikan panduan bagi kajian yang dijalankan ini. Setelah pembacaan dilakukan, didapati bahawa kajian terdahulu tentang DM Jugra tidak menyentuh aspek diakronik dengan bentuk purbanya. Oleh itu, dengan maklumat awal penyelidikan kajian terdahulu secara tidak langsung memberikan satu peluang untuk menjalankan kajian baharu dan menghasilkan pendeskripsian yang lebih baik.

Selain itu, penyelidikan Asmah (1991) kelihatan agak mencabar kerana isu pengelompokan atau pembahagian kawasan dialek geografi mempunyai kesan terhadap heterogeniti dialeknya. Salah satu matlamat kajian dialek adalah untuk membahagikan dialek kepada dua kelompok, iaitu subdialek Kuala Lumpur dan subdialek Selangor Barat. Kajian Asmah (1991) membahagikan dialek Selangor kepada dua kelompok kerana keakraban, kekerabatan atau salasilah mereka. Dalam kajiannya, Asmah (1991) mendapati beberapa perbezaan dalam kedua-dua dialek: pengguguran "h" pada awal perkataan, pengguguran "h" pada akhir perkataan apabila vokal "o" didahului dan pengguguran "r" pada akhir perkataan. Hasilnya menunjukkan bahawa keseragaman dialek-dialek di Selangor mungkin tidak 100% sama. Hasilnya pengelompokan dialek Melayu di Semenanjung Malaysia mengikut pengkajian dan penelitian Ismail Hussein (1973) dengan menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan kesejajaran fonologi dan leksikal telah membahagikannya kepada 14 kelompok variasi dialek iaitu:

1. Jenis Kelantan.
2. Jenis Pulai Chondong.
3. Jenis Patani;
4. Jenis Terengganu.
5. Jenis Kedah.
6. Jenis Sungai Perak.
7. Jenis Pulau Sayong.
8. Jenis Perak Tengah.
9. Jenis Selangor.
10. Jenis Negeri Sembilan.
11. Jenis Melaka.
12. Jenis Lenga.
13. Jenis Pahang.
14. Jenis Johor.

Kajian dan juga penelitian Asmah (1991) yang menggunakan kaedah yang sama dari segi persamaan kesejajaran fonologi pula telah mengelompokkan dialek-dialek Melayu kepada lima kelompok iaitu:

1. Kelompok Barat Daya – Kedah-Perlis-Pulau Pinang-Perak Utara.
2. Kelompok Timur Laut – Kelantan.
3. Kelompok Timur – Terengganu.
4. Kelompok Selatan – Johor-Melaka-Pahang Selangor-Perak Selatan.
5. Kelompok Negeri Sembilan.

Lanjutan daripada kajian ini pada tahun 1993, Asmah (1993) telah memperincikan pengelompokan dialek kepada tujuh kumpulan berdasarkan perbandingan aspek-aspek fonologi iaitu:

1. Dialek Barat Laut yang dikenali umum sebagai dialek Utara – Perlis-Kedah-Pulau Langkawi-Pulau Pinang-Perak Utara sehingga Taiping.

2. Dialek Perak – Kawasan Perak Tengah.

3. Dialek Selatan – Perak Selatan-Selangor-Melaka-Johor.

4. Dialek Kelantan – Kelantan-Sempadan Pahang danTerengganu.

5. Dialek Terengganu.

6. Dialek Pahang.

7. Dialek Negeri Sembilan.

Tegas beliau, impak daripada kajian dan pengelompokan ini didapati tekal sehingga kini yang secara jelasnya memperlihatkan aspek-aspek keunikan dan kesalingfahaman yang dikongsi bersama oleh masyarakat bahasa dan variasi kebahasaannya.

Oleh itu, dialek Selangor tidak seragam disebabkan oleh kewujudan subdialek berdasarkan mukim, daerah, kampung dan ciri idiolek individu. Oleh itu, objektif penyelidikan tentang dialek Selangor oleh Asmah (1991) adalah untuk mengkaji secara langsung ciri leksikal sepunya dan ciri leksikal unik yang diwakili dalam kawasan kajian. Di sini, perkara yang ingin diketengahkan ialah usaha pengelompokan Asmah (1991); boleh dikatakan bahawa semua usaha ini dilakukan menggunakan kaedah kualitatif, yang bergantung pada perbandingan antara dialek untuk mencari perbezaan dialektal. Mana-mana dialek yang mempunyai ciri linguistik yang serupa akan dimasukkan ke dalam kategori yang sama. Sebaliknya, jika terdapat perbezaan, dialek itu tergolong dalam kelompok yang berbeza. Oleh itu, tahap persamaan atau perbezaan biasanya bergantung pada lokasi dialek itu.

Seterusnya, kajian Asmah (1991) itu juga memuatkan perbandingan antara subdialek Selangor Barat, subdialek Kuala Lumpur dengan dialek Minang yang melibatkan sistem vokal dan sistem konsonan. Masalahnya di sini, Asmah tidak menyebutkan lokasi khusus yang menjadi tempat kajiannya. Bukan itu sahaja, malah Asmah (1991) hanya melakukan pengelompokan secara umum sahaja, sedangkan Asmah (1991) sendiri menyebut dalam buku tersebut bahawa kajian dialek bagi negeri Selangor lebih rumit berbanding kajian dialek di negeri-negeri lain. Hal ini disebabkan negeri Selangor merupakan tempat pertembungan penutur daripada pelbagai lapisan masyarakat dan mewakili pelbagai kawasan dialek lain. Jadi, pemerian Asmah (1991) mestilah dalam skala

yang lebih tepat. Tidak dinafikan, Asmah (1991) menunjukkan beberapa elemen fonologi dalam dialek Selangor, tetapi beliau tidak memberikan penjelasan lanjut tentang sistem fonologi, seperti proses fonologi dan inventori fonem. Yang dilakukannya ialah hanya membandingkan dialek Selangor dengan subdialek lain untuk menentukan sama ada dialek itu mempunyai ciri tertentu. Selain itu, didapati bahawa Asmah (1991) tidak mendedahkan kaedah dan metodologi yang digunakan untuk mengumpul data kajian. Beliau tidak menjelaskan kawasan mana yang dikaji dan dialek mana yang digunakan di Selangor.

Sementara itu, Collins (1996) turut membuat penelitian dialek di Selangor, iaitu tinjauan di Jugra dengan mengenal pasti ciri-ciri tatabunyi di kawasan itu. Kajian Collins (1996) ini berbeza dengan kajian Asmah (1991) kerana Collins (1996) menyatakan lokasi yang ingin dikaji berbanding dengan kajian Asmah (1991). Lokasi kajian yang disebutkan oleh Collins (1996) dalam kajian beliau itu ialah Kelanang, Permatang Buah, Pulau Nyatuh di Mukim Kelanang serta Kampung Air Tawar, Katung, Gelanggang Buaya, Sungai Buaya Ujung, Sungai Arak, Bandar dan Sungai Ingat di Mukim Bandar. Namun demikian, kajian ini hanya memberi penekanan pada bunyi vokal dan konsonan akhir kata sahaja. Hasilnya, kajian Collins (1996) menemukan bahawa terdapat tujuh fonem vokal dalam dialek Jugra, iaitu /i/, /e/, /ɛ/, /ə/, /a/, /o/ dan /u/. Bagi dapatan kajian tentang aspek bunyi konsonan pula, hanya terdapat tiga perkara sahaja yang ditekankan, iaitu /ì/ dan alofonnya, perselisihan bentuk hentian akhir kata dan /s/ di akhir kata.

Collins (1996) turut membincangkan kaitan bentuk fonetik ini dengan sejarah penyebaran bahasa Melayu. Collins (1996) juga mengakui bahawa informan yang dipilih hanyalah informan berketurunan Melayu sahaja, biarpun di Jugra ramai yang berketurunan Jawa. Selain itu, seperti kajian Asmah (1991), Collins (1996) juga tidak memperincikan secara menyeluruh tentang DMJ, misalnya pemerian aspek fonologi seperti inventori vokal, diftong, konsonan, serta proses fonologinya. Collins (1996) juga tidak menyatakan varian-varian yang terdapat di Jugra secara terperinci. Sekiranya penulisan-penulisan Collins (1996) sebelum ini tentang dialek-dialek Melayu di Semenanjung Malaysia diteliti, pemeriannya memang secara umum sahaja.

Dapatlah disimpulkan di sini bahawa kajian yang dikemukakan oleh Asmah (1991) dan Collins (1996) tentang dialek Selangor agak terhad. Aspek fonologi yang dikaji dalam dialek Melayu Selangor belum diteroka secara menyeluruh. Kedua-duanya hanya menyenaraikan leksikal yang mengalami perubahan fonologi. Penekanan Asmah (1991) tentang pembahagian kelompok antara subdialek Selangor, subdialek Kuala Lumpur dengan dialek Minang. Sementara itu, Collins (1996) hanya menyebut fonem yang berubah dan muncul dalam ragam Jugra.

Ciri fonetik, proses fonologi seperti pengguguran, peleburan, perubahan bunyi pada vokal dan konsonan, serta rumus dialek tidak dibincangkan dalam kedua-dua kajian tersebut.

Kajian yang dilakukan oleh Mumad et al. (2017) membawa sinar baharu daripada dua kajian sebelum ini. Kajian mereka dilihat lebih berpada kerana mereka membuat pendeskripsian fonologi atau variasi-variasi Jugra, mendeskripsikan inventori yang terdapat dalam dialek Jugra dan membincangkan proses fonologi yang wujud dalam variasi-variasi Jugra dengan terperinci. Menariknya dalam kajian-kajian ini, mereka ingin membuktikan sama ada kajian Asmah (1991) atau Collins (1996) yang benar kerana Collins (1996) menemukan frikatif velar /ʁ/ dalam dialek Selangor yang menggantikan getaran getaran alveolar /r/ pada posisi awal kata dan tengah kata, manakala dalam kajian Asmah (1991), beliau tidak membincangkan langsung tentang fonem ini dan dalam data beliau, fonem /r/ ini dikekalkan. Oleh itu, dapatan kajian Mumad et al. (2017) membuktikan bahawa kajian Collins (1996) adalah benar kerana menyimpulkan dielak Jugra tidak mempunyai fonem /r/ dan perkara inilah yang dikatakan ciri unik bagi ragam kawasan ini. Sementara itu, fonem /ɣ/ digunakan secara meluas dalam dialek DMJ ini. Namun demikian, terdapat kelompangan yang wujud daripada kajian Asmah (1991), Collins (1996) dan Mumad et al. (2017) ini iaitu pengelompokan varian mesti dibina di atas sebuah metodologi yang kukuh dan meyakinkan.

Kajian Norfazila (2018; 2019; 2020) pula hanya melihat analisis fonologi yang melibatkan aspek inventori fonem dalam DMJ di varian Bandar (2018), Kelanang (2019) dan Jugra (2020) tanpa melibatkan ilmu perbandingan. Sehubungan dengan itu, disiplin linguistik perbandingan sejarawi yang bermatlamat untuk merekonstruksi induk varian-varian tersebut diperlukan. Hasil rekonstruksi itu akan menyingkap tabir ciri inovasi dan retensi (Campbell 2004; Collins 1989; Fox 1995; Mahsun 1995). Dengan itu, pengelompokan varian yang benar-benar kukuh mungkin akan terjadi.

Maka, cerakinan kajian lampau tersebut membolehkan satu rumusan dibuat untuk dijadikan panduan bagi kajian yang dijalankan ini. Terdapat banyak isu yang muncul hasil daripada perbincangan ringkas tentang kajian terdahulu ini. Antaranya berkaitan dengan jumlah inventori fonem yang telah dibahaskan dalam ketujuh-tujuh kajian yang dirujuk ini. Sehubungan itu, kajian lepas ini juga tidak pernah menyentuh soal perbandingan varian semasa dengan bentuk purbanya. Walaupun begitu, isu ini tidak menunjukkan bahawa kajian sebelumnya tidak tepat atau berkualiti; sebaliknya, menunjukkan bahawa kajian terhadap DMJ memerlukan kajian yang lebih teliti lagi. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa tujuan utama kajian ini ialah menilai dan mencari inventori

yang sebenarnya bernuansa dalam varian semasa DMJ dan membandingkannya dengan bahasa Melayu Purba (BMP) untuk mengetahui ciri retensi dan inovasi yang wujud dalam DMJ. Susunan bahasa Melayik Purba (Hudson 1970) ialah asas dalam perbincangan ini. Aspek yang diteliti berhubung dengan Melayik Purba ialah fonologi, khususnya vokal dan diftong yang terdapat dalam varian semasa DMJ. DMJ yang dimaksudkan ini tersebar luas di pelbagai kawasan dan ia pastinya melampaui batas geografi setempat Selangor. Kajian ini hanya memfokuskan kepada enam varian berdasarkan mukim dan tiga mukim memperlihatkan kelainan yang dianggap dapat mewakili keseluruhan varian DMJ ini.

Dalam kajian ini, semua persoalan tersebut akan dijawab berdasarkan pendekatan linguistik perbandingan kualitatif, iaitu dengan menggunakan kaedah rekonstruksi dalaman (*internal reconstruction*) ataupun peristilahan yang diberikan oleh Collins (1997) ialah linguistik perbandingan tradisional. Justifikasi penggunaan pendekatan perbandingan linguistik kualitatif adalah untuk memastikan varian semasa DMJ dengan BMP dapat dibandingkan secara lebih menyeluruh dan tepat. Wajaran ini diberikan kerana tiada kajian terdahulu yang menggunakan pendekatan tersebut untuk mengkaji DMJ dan, secara tidak langsung, akan membantu menghasilkan sumbangan dapatan baharu.

Metodologi Kajian

Kajian tentang perbandingan DMJ dengan BMP menggunakan reka bentuk kualitatif dan berdasarkan dua kaedah iaitu kepustakaan dan lapangan.

Kajian kepustakaan

Mohd Sheffei (1991, 41) mengatakan kajian kepustakaan merupakan kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod. Kajian kepustakaan dilakukan untuk mendapatkan maklumat penting tentang masyarakat Jugra dan Selangor. Sebelum kajian di lapangan dimulakan, maklumat tentang latar belakang masyarakat ini penting kerana memberikan maklumat awal berkaitan kehidupan masyarakat tersebut. Selain itu, kaedah kepustakaan membolehkan maklumat penting berkenaan kajian terdahulu tentang subjek yang sedang dikaji tersebut diperoleh. Maklumat tentang penyelidikan terdahulu mungkin membataskan penyelidikan yang sama daripada dijalankan. Sebanyak tujuh kajian sebelumnya telah dirujuk untuk memperoleh pemahaman awal tentang kajian ini. Oleh itu, kajian kepustakaan juga dijalankan untuk menghasilkan garis panduan bagi pendekatan perbandingan bahasa. Selain perpustakaan, sumber awal turut diperoleh di Pejabat Daerah Jugra.

Kajian lapangan

Kerja lapangan adalah penting untuk mendapatkan data dan maklumat yang boleh dipercayai bagi mencapai objektif kajian. Aspek yang diberikan tumpuan dalam kajian lapangan ini ialah pemilihan senarai kata/soal selidik, pemilihan kawasan dan batasan kajian, pemilihan informan, pengumpulan dan penyebaran data dan analisis data adalah semua elemen yang dibincangkan dalam kajian lapangan ini.

Pemilihan senarai kata

Kosa kata dalam kajian ini menggunakan senarai kata Swadesh yang telah disesuaikan dengan masyarakat yang dikaji. Senarai kata ini juga digunakan dalam kajian Mohd Tarmizi et al. (2014). Kaharuddin dan Rahim (2011), Norfazila (2019; 2020), Norfazila et al. (2022) dan Shahidi dan Mohamad Firdaus (2023). Kosa kata ini terdiri daripada 400 perkataan asas yang digunakan dalam DMJ, yang terdiri daripada dua belas domain makna leksikal. Penulis mengumpul dan menguji sendiri senarai kata ini di enam buah kampung:

1. Kampung Kelanang.
2. Bandar.
3. Permatang Pasir.
4. Ayer Tawa.
5. Sungai Buaya.
6. Sungai Ingat.

Namun begitu, selepas data dimurnikan, hanya tiga varian berbeza ditemui yang menunjukkan perbezaan antara satu sama lain, iaitu varian Kelanang, Bandar dan Permatang Pasir. Bagi melaksanakan kerja perbandingan DMJ dengan BMP, sebanyak 186 kosa kata telah diambil dan dijadikan sebagai contoh data yang dianalisis (seperti dalam Jadual 1). Data yang diperoleh dalam kajian ini boleh dianggap sebagai data primer.

Jadual 1. Senarai kosa kata kajian

No.	Kosa kata	No.	Kosa kata	No.	Kosa kata	No.	Kosa kata	No.	Kosa kata
1.	tangan	41.	mata	81.	memegang	121.	kabut	161.	atas
2.	kiri	42.	lihat	82.	menggali	122.	hujan	162.	bawah
3.	kanan	43.	menguap	83.	membeli	123.	guruh	163.	ini
4.	kaki	44.	tidur	84.	buka	124.	kilat	164.	itu
5.	jalan	45.	bermimpi	85.	tumbuk	125.	angin	165.	dekat
6.	datang	46.	duduk	86.	melempar	126.	panas	166.	jauh
7.	belok	47.	berdiri	87.	jatuh	127.	dingin	167.	mana
8.	berenang	48.	orang	88.	anjing	128.	kering	168.	saya/aku
9.	kotor	49.	lelaki	89.	burung	129.	basah	169.	kamu
10.	debu	50.	anak	90.	telur	130.	berat	170.	dia
11.	kulit	51.	suami	91.	bulu	131.	api	171.	kita
12.	belakang	52.	isteri	92.	sayap	132.	bakar	172.	kami
13.	perut	53.	ibu	93.	terbang	133.	asap	173.	mereka
14.	tulang	54.	bapak	94.	daging	134.	abu	174.	apa
15.	usus	55.	rumah	95.	lemak	135.	hitam	175.	siapa
16.	hati	56.	atap	96.	tikus	136.	merah	176.	lain
17.	susu	57.	bercakap	97.	ekor	137.	kuning	177.	semua
18.	bahu	58.	tali	98.	ular	138	hijau	178.	kalau
19.	leher	59.	mengikat	99.	cacing tanah	139.	kecil	179.	tidak
20.	tahu	60.	menjahit	100.	kutu	140.	besar	180.	hitung
21.	takut	61.	jarum	101.	nyamuk	141.	pendek	181.	satu
22.	kepala	62.	menembak	102.	ikan busuk	142.	panjang	182.	dua
23.	rambut	63.	menikam	103.	dahan	143.	tipis	183.	tiga
24.	hidung	64.	pukul	104.	daun	144.	tebal	184.	empat
25.	bernafas	65.	mencuri	105.	akar	145.	sempit	185.	sungai
26.	mencium	66.	membunuh	106.	bunga	146.	lebar	186.	kerbau
27.	mulut	67.	mati	107.	buah	147.	sakit		
28.	gigi	68.	hidup	108.	rumput	148.	malu		
29.	lidah	69.	menggaru	109.	tanah	149.	tua		
30.	tertawa	70.	menetak	110.	batu	150.	baru		

(*Bersambung*)

Jadual 1. (*Sambungan*)

No.	Kosa kata	No.	Kosa kata	No.	Kosa kata	No.	Kosa kata
31.	menangis	71.	kayu	111.	pasir	151.	baik
32.	muntah	72.	membelah	112.	air	152.	jahat
33.	makan	73.	tajam	113.	mengalir	153.	benar
34.	kunyah	74.	tumpul	114.	laut	154.	malam
35.	masak	75.	bekerja	115.	garam	155.	hari
36.	minum	76.	menanam	116.	hutan	156.	tahun
37.	gigit	77.	memilih	117.	langit	157.	bersembunyi
38.	hisap	78.	tumbuh	118	bulan	158.	naik
39.	telinga	79.	bengkak	119.	bintang	159.	di
40.	dengar	80.	perah	120.	awan	160.	dalam

Pemilihan kawasan dan batasan kajian

Bertepatan dengan tajuk penyelidikan ini, jadi, kawasan kajian pastinya melampaui bentuk muka bumi setempat. Oleh itu, pemilihan kawasan kajian adalah di mana dialek Melayu digunakan di Jugra. Kawasan kajian ini dipilih kerana puluhan DMJ dipercayai terdapat di sini. Walaupun begitu, selepas seminggu berada di kawasan lapangan, didapati bahawa terdapat beberapa puluhan kampung dalam DMJ ini, namun kajian ini melihat tiga mukim yang mewakili sebahagian besar DMJ yang terdapat di kawasan tersebut. Pemilihan ini kawasan kajian turut dibantu penentuannya oleh informan dan ketua kampung di sini. Data yang diambil dan dijadikan asas dalam kajian ini ialah varian Kelanang, Bandar dan Permatang Pasir. Hasil temu bual selama seminggu ini menunjukkan bahawa bahasa informan agak berbeza antara satu sama lain dalam tiga varian ini. Selain itu, faktor geografi yang memisahkan kawasan ini turut memainkan peranan dalam penentuan kawasan kajian.



Rajah 1. Kawasan kajian varian Jugra

Pemilihan informan

Dalam kajian dialek dan linguistik bandingan, pemilihan informan merupakan kriteria yang penting untuk menunjukkan kejituan data yang dipungut. Informan berdasarkan jantina, umur dan pendidikan telah dijadikan kayu ukur dalam pemilihan informan. Oleh itu, informan lelaki dan perempuan telah dipilih. Pewajaran memilih kedua-dua informan ini kerana berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, percakapan informan lelaki dan perempuan didapati dapat mewakili percakapan kawasan kajian. Daripada tiga kawasan kajian ini, informan seorang lelaki dan wanita di varian Kelanang, Bandar dan Permatang Pasir telah dipilih. Jumlah keseluruhan informan bagi ketiga-tiga varian ialah tiga orang lelaki dan tiga orang perempuan. Dari segi umur pula, informan terdiri daripada golongan tua yang baik dan sempurna alat artikulasinya dengan informan yang berumur 50 tahun hingga 77 tahun dipilih. Seterusnya, enam orang informan yang dipilih dalam kajian ini tidak mempunyai pendidikan formal. Mereka bekerja sebagai nelayan, ketua kampung dan suri rumah tangga.

Kaedah pengumpulan data

Temu bual, penceritaan, rakaman dan pemerhatian juga digunakan untuk mengumpul data. Data diperoleh melalui penggunaan bahasa secara lisan. Teknik temu bual digunakan untuk menjalankan kajian ini. Senarai kosa kata yang disediakan tersebut dikaitkan dengan soalan yang ditanya kepada informan. Sepanjang temu bual, pelbagai teknik dan gaya digunakan untuk memulakan temu bual. Pertanyaan seperti “Mak cik, ini panggil apa?” digunakan sebagai salah satu cara untuk mengajukan soalan yang berkaitan dengan anggota badan, seperti perkataan “hidung” sambil menunjukkan hidung.

Selain itu, informan turut diminta untuk menceritakan asal-usul kawasan yang didiami. Sebagai contoh, informan di ketiga-tiga kawasan kajian menceritakan perihal penduduk awal kawasan kajian dan sejarahnya. Teknik ini diterima pakai bagi mendapatkan maklumat tambahan selain data linguistik dan merupakan salah satu cara untuk mengelakkan informan berasa bosan. Sekiranya informan kelihatan letih, mereka diberi minuman untuk berehat. Selepas berehat selama 8 hingga 12 minit, informan akan kembali ke topik asalnya dengan ditanyakan soalan yang berkaitan dengan senarai kata. Pengumpulan data ini memakan masa dua jam untuk setiap informan.

Seterusnya, teknik rakaman untuk temu bual informan turut digunakan dalam kajian ini. Untuk kajian, teknik rakaman adalah yang paling sesuai. Hal ini kerana data yang diperoleh melalui teknik ini boleh disimpan untuk jangka masa panjang dan digunakan sebagai rujukan. Setiap perbualan dengan informan dan soalan yang diajukan dirakam secara sedar dalam kajian ini. Selepas itu, setiap rakaman perbualan yang berkaitan dengan data kajian ini ditranskripsikan dalam bentuk fonetik. Lambang fonetik antarabangsa digunakan untuk transkripsi data. Sepanjang temu bual dengan informan, teknik transkripsi ini digunakan manakala data dilengkapkan dengan menggunakan kaedah pemerhatian ikut serta. Teknik ini digunakan untuk memastikan maklumat yang disampaikan oleh informan berkenaan subjek yang dibincangkan tepat. Penulis turut serta dalam perbualan dan menulis sedikit tentang perkara yang berkaitan dengan tajuk kajian. Catatan dibuat dan soalan dikemukakan semula kepada informan sekiranya terdapat perkataan kurang jelas didengar. Memandangkan percakapan semula jadi dan spontan, teknik ini sesuai untuk digunakan.

Kaedah pemaparan dan analisis data

Seterusnya, kaedah pemaparan (data yang dianalisis dipaparkan serta dibandingkan dalam bentuk jadual terhadap ciri linguistik yang berlaku dan dihuraikan berdasarkan sumber data yang diperoleh di lapangan) dan analisis data (dibincangkan berdasarkan tatacara yang terdapat dalam perbandingan rekonstruksi dalaman serta menggunakan peristilahan yang terdapat dalam bidang linguistik bandingan, dan membincangkan hasil penemuan) turut digunakan**.** Dalam kajian ini pendekatan ilmu perbandingan bahasa (rekonstruksi dalaman) yang telah diutarakan dan dimanfaatkan oleh Collins (1986; 1989), Crowley (1992) Rahim (2008) dan Campbell (2001) telah digunakan bagi mencapai semua objektif kajian. Kajian ini melihat ciri retensi dan inovasi DMJ daripada BMP dengan menggunakan susunan BMP yang dibangunkan oleh Adelaar (1985) sebagai asas perbandingan. Adelaar merekonstruksikan BMP pada tahun 1985. Oleh itu, susunan bahasa Melayu purba ini digunakan sebagai asas untuk

membandingkan varian DMJ bagi mencapai objektif kajian. BMP ini digunakan kerana BMP ialah bahasa Melayu yang lebih tua. Oleh itu, dikatakan bahawa BMP ini menyebabkan variasi dalam dialek Melayu lain.

Dapatan dan Perbincangan

Bahagian ini bertujuan untuk membandingkan BMP dengan DMJ yang melibatkan elemen perubahan fonem dan fonotaktik, bagi mencari elemen kedinamikan dan ketahanan bahasa. Hal ini memenuhi tuntutan sebenar bidang linguistik sejarawi (perbandingan). Kajian ini tidak akan membincangkan perbandingan leksikal dan maklumat klasifikasi kerana kajian ini terhad kepada tempoh setahun. Perbincangan bermula dengan membandingkan vokal dan diftong BMP dengan varian DMJ dan membincangkan status retensi bersama dan inovasi dalam ragam DMJ.

Perbandingan fonem vokal dan diftong bahasa Melayik Purba dengan dialek Melayu Jugra

Objektif pertama perbandingan fonem (bunyi vokal) ini adalah untuk menganalisis inovasi, retensi dan sebaran bunyi vokal pada posisi kata (awal; tengah; akhir) dalam BMP dengan varian DMJ. Antara vokal yang terlibat ialah vokal hadapan lidah, tengah dan belakang lidah. Perbandingan ini untuk melihat kesejajaran dan kewujudan vokal di semua posisi kata. Oleh itu, bagi melaksanakan analisis ini, vokal BMP yang telah dikenal pasti oleh Adelaar (1985) dipaparkan terlebih dahulu sebelum membandingkan varian DMJ. Jadual 2 menunjukkan vokal BMP.

Jadual 2. Inventori vokal BMP

Bahagian	Kedudukan		
	Depan	Tengah	Belakang
Tinggi	*i		*u
Separuh tinggi		*ə	
Rendah		*a	

Jadual 1 menunjukkan inventori BMP (Adelaar 1985) memiliki empat vokal purba sahaja. Namun begitu, varian DMJ yang dibincangkan sebelum ini, memperlihatkan tiga varian yang dikaji mengandungi enam dan lapan vokal. Hasil analisis data, DMJ dikelompokkan kepada dua kumpulan, iaitu;

1. Varian Bandar ialah varian pertama dengan enam vokal (/i, u, e, o, ə dan a/).

2. Varian Kelanang dan Permatang Pasir merupakan varian kedua dengan lapan vokal (/i, u, e, o, ɛ, ɔ, ə dan a/).

Variasi dalam jumlah vokal BMP berbanding varian semasa DMJ ini menunjukkan bahawa varian semasa ini telah mengalami perubahan berbanding dengan bentuk purbanya. Oleh itu, untuk mencapai objektif kajian, penyebaran bunyi vokal BMP dengan DMJ yang melibatkan bahagian lidah akan dipaparkan dan dibincangkan.

*Bahasa Melayik Purba *i*

BMP mempunyai vokal hadapan luas, atau *i. Vokal BMP *i hadir pada awal kata, praakhir dan akhir kata, serta diturunkan secara langsung dalam kesemua varian DMJ di posisi ini. Namun demikian, telah berlaku beberapa perubahan dalam beberapa DMJ dan sukar untuk dijelaskan berdasarkan data pada tengah kata. Inovasi secara sporadik terjadi apabila BMP *i > [ɛ] atau [e] dalam varian Permatang Pasir, [e] dalam semua varian pada posisi tengah kata yang terdapat dalam beberapa data DMJ yang ditemui. Sebaliknya, sumber data kekal lain-lain [i] terdapat pada semua DMJ pada posisi tengah kata. Contoh data yang diketengahkan seperti yang berikut mewakili setiap inovasi yang berlaku manakala Jadual 3 menunjukkan perbandingan sebaran vokal hadapan luas BMP *i > [i], [ɒ], [e] dan DMJ:

1. BMP *ikan “ikan” > VKLNG, VBNDR dan VPP ikan.
2. BMP *itu/ “itu” > VKLNG, VBNDR dan VPP itu.
3. BMP *kətʃil “kecil” > VKLNG, VBNDR dan VPP kətʃil.
4. BMP *libaɣ “lebar” > VKLNG lebɔ; VBNDR lebar; VPP lɛbaw.
5. BMP *pindik “pendek” >VKLNG, VBNDR dan VPP pendeʔ.
6. BMP *baik “baik” > VKLNG, VBNDR dan VPP bajeʔ.
7. BMP *sakit “sakit” > VKLNG sakit; VBNDR dan VPP saket.
8. BMP *nipis “tipis” > VKLNG tipes; VBNDR tipis; VPP nipes.
9. BMP *səmpit “sempit” > VKLNG səmpit; VBNDR dan VPP səmpet.
10. BMP *pasiɣ “pasir” > VKLNG, VBNDR dan VPP pase.
11. BMP *di “di” > VKLNG, VBNDR dan VPP di.
12. BMP *haɣi “hari” > VKLNG, VBNDR dan VPP haʏi.
13. BMP *api “api” > VKLNG, VBNDR dan VPP api.

Nota: Dalam paparan data tersebut dan yang seterusnya, VKLNG merujuk kepada varian Kelanang, VBNDR merujuk kepada varian Bandar dan VPP merujuk kepada varian Permatang Pasir.

Jadual 3. Perbandingan sebaran vokal depan luas BMP *i > [i] dan DMJ

BMP/DMJ	Posisi		
	Awal kata	Tengah kata	Akhir kata
BMP	[*i-]	[*-i-]	[*-i]
Varian Kelanang	[i-]	*i- > [i-] atau [e-]	[*-i]
Varian Bandar	[i-]	*i- > [i-] atau [e-]	[*-i]
Varian Permatang Pasir	[i-]	*i- > [i-], [e-] atau [ɛ-]	[*-i]

*Bahasa Melayik Purba *a*

*a adalah vokal tengah rendah dalam BMP. Vokal BMP *a diturunkan secara langsung ke semua DMJ pada posisi awal, suku kata praakhir, dan akhir kata. Sungguhpun begitu, terdapat beberapa perubahan yang telah berlaku, dan beberapa DMJ sukar untuk menjelaskan data pada posisi tengah dan akhir kata. Beberapa data DMJ menunjukkan inovasi sporadis berlaku apabila BMP *-a- > [-a-], [-ɔ-] atau [-ə-] dalam varian Kelanang dan Permatang Pasir, serta [-ə-] dalam varian Bandar pada tengah kata. Sebaliknya, data selainnya menunjukkan [a] kekal dalam semua DMJ pada posisi tengah kata. Akhir sekali, semua data yang dipaparkan seperti yang berikut mewakili data inovasi secara teratur yang melibatkan semua DMJ apabila BMP *-a > [-ə] dalam semua varian manakala perbandingan vokal tengah rendah BMP *a > [a], [ɔ] atau [ə] DMJ terdapat dalam Jadual 4:

1. BMP *akaɣ “akar” > VKLNG, VBNDR dan VPP aka.
2. BMP *atas “atas” > VKLNG, VBNDR dan VPP atas.
3. BMP *kanan “kanan” > VKLNG, VBNDR dan VPP kanan.
4. BMP *taŋan “tangan” > VKLNG ləŋan; VBNDR dan VPP taŋan.
5. BMP *kaki “kaki” > VKLNG, VBNDR dan VPP kaki.
6. BMP *manaʔ “mana” > VKLNG, VBNDR dan VPP manə.
7. BMP *telinaʔ “telinga” > VKLNG tliŋə; VBNDR dan VPP təliŋə.
8. BMP *libaɣ “lebar” > VKLNG lebɔ; VBNDR lebar; VPP lɛbaw.
9. BMP *bəsaɣ “besar” > VKLNG dan VPP bəsɔ; VBNDR bəsa.
10. BMP *mata “mata” > VKLNG, VBNDR dan VPP matə.
11. BMP *buŋa “bunga” > VKLNG, VBNDR dan VPP buŋə.

Jadual 4. Perbandingan sebaran vokal tengah rendah BMP *a > [a] dan DMJ

BMP/DMJ	Posisi		
	Awal kata	Tengah kata	Akhir kata
BMP	[*a-]	[*-a-]	[*-a]
Varian Kelanang	[a-]	*-a- > [-a-], [-ɔ-] atau [-ə-]	[-ə]
Varian Bandar	[a-]	*-a- > [-a-] atau [-ə-]	[-ə]
Varian Permatang Pasir	[a-]	*-a- > [-a-], [-ɔ-] atau [-ə-]	[-ə]

Vokal BMP *ə diturunkan secara langsung ke semua DMJ pada posisi awal, tengah dan praakhir kata. Sementara itu, vokal schwa BMP *ə di akhir kata tidak terlihat dalam data yang dibandingkan ini. BMP *-ə- > [-a-] data yang dibandingkan menunjukkan perubahan secara teratur pada semua varian yang berlaku pada suku kata pra-akhir tertutup. Sumber data yang diperlihatkan adalah seperti yang berikut manakala Jadual 5 menunjukkan perbandingan penyebaran vokal tengah BMP *ə> [ə], [a] DMJ:

1. BMP *əmpat “empat” > VKLNG, VBNDR dan VPP əmpat.
2. BMP *dəkət “dekat” > VKLNG, VBNDR dan VPP dəkat.
3. BMP *kətʃil “kecil” > VKLNG, VBNDR dan VPP kətʃil.
4. BMP *daləm ‘dalam’ > VKLNG, VBNDR dan VPP dalam.
5. BMP *dʒahət “jahat” > VKLNG, VBNDR dan VPP dʒahat.
6. BMP *təbəl “tebal” > VKLNG, VBNDR dan VPP təbal.

Jadual 5. Perbandingan sebaran vokal tengah BMP *ə > [ə] dan DMJ

BMP/DMJ	Posisi		
	Awal kata	Tengah kata	Akhir kata
BMP	[*ə-]	[*-ə-]	[*-ə]
Varian Kelanang	[ə-]	[-ə-]	*-ə> [-a]
Varian Bandar	[ə-]	[-ə-]	*-ə> [-a]
Varian Permatang Pasir	[ə-]	[-ə-]	*-ə> [-a]

*Bahasa Melayik Purba *u*

Vokal BMP *u terdapat di posisi awal, tengah dan suku kata akhir, serta turut ada dalam semua varian DMJ. Namun begitu, apabila BMP *-u- > [-u-], [-o-] dalam varian Bandar dan *-u- > [-u-], [-o-] atau [-ɔ-] dalam varian Kelanang dan Permatang Pasir, inovasi sporadis dilihat berlaku pada posisi tengah perkataan. Sementara itu, dapatan data yang lain [*-u-] diturunkan secara langsung ke

semua varian DMJ. Sumber data adalah seperti yang disenaraikan manakala perbandingan sebaran vokal belakang tinggi BMP *u > [u], [o] atau [ɔ] DMJ pula seperti dipaparkan dalam Jadual 6.

1. BMP *uləɣ "ular" > VKLNG dan VBNDR ula; VPP ulaw.
2. BMP *kulit "kulit" > VKLNG, VBNDR dan VPP kulet.
3. BMP *tulan "tulang" > VKLNG, VBNDR dan VPP tulaŋ.
4. BMP *buka?"buka" > VKLNG bɔka?; VBNDR buka; VPP bukə.
5. BMP *tumbuk "tumbuk" > VKLNG məŋumbɔ?; VBNDR tumbo?; VPP tumbɔ?.
6. BMP *takut "takut" > VKLNG takot; VBNDR takut; VPP takɔt.
7. BMP *mulut "mulut" > VKLNG dan VBNDR mulut; VPP mulɔt.
8. BMP *bulu? "bulu" > VKLNG, VBNDR dan VPP bulu.
9. BMP *ŋamuk "nyamuk" > VKLNG, VBNDR dan VPP ŋamo?.
10. BMP *habu "abu" > VKLNG, VBNDR dan VPP abu.
11. BMP *malu "malu" > VKLNG, VBNDR dan VPP malu.

Jadual 6. Perbandingan sebaran vokal belakang BMP *u > [u] dan DMJ

BMP/DMJ	Posisi		
	Awal kata	Tengah kata	Akhir kata
BMP	[*u-]	[*-u-]	[*-u]
Varian Kelanang	[u-]	*-u- > [-u-], [-o-] atau [-ɔ-]	[-u]
Varian Bandar	[u-]	*-u- > [-u-] atau [-o-]	[-u]
Varian Permatang Pasir	[u-]	*-u- > [-u-], [-o-] atau [-ɔ-]	[-u]

Dalam BMP, diftong yang dikemukakan oleh Adelaar (1985) dipaparkan sebelum membandingkan BMP dengan DMJ. Diftong BMP ialah /*aw dan *aj/ serta dibunyikan sebagai [*aw] dan [*aj]. Sumber data yang dibuat untuk perbandingan menunjukkan bahawa BMP *aw dan *aj diturunkan secara terus di posisi akhir perkataan semua varian DMJ. Kedua-dua diftong ini tidak ditemui dalam data yang diperoleh di posisi awal dan tengah kata, adalah sama dengan bentuk purbanya.

Sumber data yang diperoleh adalah seperti disenaraikan manakala Jadual 7 menunjukkan analisis tentang penyebaran diftong BMP *-aw dan *-aj > [-aw], [-aj] DMJ:

1. BMP *hidʒaw "hijau" > VKLNG dan VPP idʒaw; VBNDR hidʒaw.
2. BMP *kəɣəbaw "kerbau" > VKLNG dan VBNDR kərbaw; VPP kəɣəbaw.
3. BMP * suŋaj "sungai" > VKLNG dan VBNDR suŋaj; VPP sɔŋaj.

Jadual 7. Perbandingan sebaran diftong BMP *aw dan *aj > [aw], [aj] dan DMJ

BMP/DMJ	Posisi		
	Awal kata	Tengah kata	Akhir kata
BMP	–	–	[*aw] dan [*aj]
Varian Kelanang	–	–	[*aw] dan [*aj] > [aw] dan [aj]
Varian Bandar	–	–	[*aw] dan [*aj] > [aw] dan [aj]
Varian Permatang Pasir	–	–	[*aw] dan [*aj] > [aw] dan [aj]

Perbandingan vokal dan diftong: Bahasa Melayik Purba dan dialek Melayu Jugra

Bagi menyempurnakan objektif kajian, perbandingan antara BMP dengan varian DMJ telah dipaparkan. Hasil perbandingan yang telah dilaksanakan terhadap vokal, diftong konsonan dan separuh vokal dalam Jadual 2 hingga 7, memperlihatkan bahawa vokal dan diftong, BMP membuktikan bahawa adanya turunan langsung BMP dengan varian semasa dalam semua DMJ. Untuk vokal, turunan langsung BMP ini berlaku dalam data vokal *a di awal dan akhir kata, *ə awal dan tengah kata, serta *u awal dan akhir kata.

Oleh itu, keputusan perbandingan ini menunjukkan bahawa terdapat inovasi dan retensi BMP yang diturunkan dalam varian DMJ ini, mengukuhkan bahawa ilmu linguistik sejarawi ini dapat mencerakinkan hubungan dan perubahan varian semasa dengan bahasa induknya melalui perbandingan diakronik yang telah dilaksanakan. Sehubungan itu, penemuan dapat membantu mengukuhkan teori *The Malay of Sundaland* kerana keadaan ini jelas menunjukkan bahawa varian DMJ dan DMTAP ini berasal daripada penempatan orang Melayu. Selain ciri retensi ini, terdapat data yang memperlihatkan ciri inovasi telah berlaku dalam varian semasa. Perbincangan berkaitan inovasi yang telah berlaku boleh dilihat dalam bahagian analisis inovasi bersama dan perbincangan seperti yang terdapat dalam Jadual 7.

Analisis inovasi bersama

Dalam perbincangan sebelum ini, vokal dan diftong BMP dengan DMJ dibandingkan untuk menunjukkan bahawa beberapa varian mempunyai fonem yang terus kekal (retensi), manakala beberapa varian DMJ telah berubah (inovasi) daripada induknya (BMP). Justeru, bahagian penulisan ini akan menunjuk dan membincangkan inovasi fonologi atau perselisihan fonetik yang berlaku dalam setiap DMJ ini, yang menyebabkan keterpisahan DMJ dengan BMP. Jadual 8 menggambarkan ciri inovasi fonologi atau perselisihan fonetik yang boleh dikenal pasti melalui analisis dapatan perbandingan BMP dengan DMJ sebelum ini.

Jadual 8. Inovasi (perubahan) fonologi atau perselisihan fonetis antara BMP dengan DMJ

No.	BMP	Posisi kata	Inovasi fonologi atau perselisihan fonetis antara BMP dengan DMJ	Jenis inovasi
1.	*-i-	Tengah kata	BMP *-i- > [-ɛ-] atau [-e-] dalam varian Permatang Pasir; [-e-] dalam semua varian; data yang lain kekal [-i-] dalam semua DMJ pada posisi tengah kata.	Sporadik
2.	*-a-	Tengah kata	BMP *-a- > [-a-], [-ɔ-] atau [-ə-] dalam varian Kelanang dan Permatang Pasir; [-ə-] dalam varian Bandar; data lain kekal [a] dalam semua DMJ pada posisi ini.	Sporadik
3.	*-a	Akhir kata	BMP *-a > [-ə] dalam semua varian.	Teratur
4.	*-«-	Praakhir kata tertutup	BMP *-ə- > [-a-] dalam semua varian.	Teratur
5.	*-u-	Tengah kata	BMP *-u- > [-u-], [-o-] dalam varian Bandar; [-u-], [-o-] atau [-ɔ-] dalam varian Kelanang dan Permatang Pasir; data lain kekal [-u-] serta diperturunkan secara langsung ke semua varian.	Sporadik

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8, vokal depan tinggi /*i/ dalam BMP hadir pada posisi awal kata, suku kata praakhir dan akhir kata dan diturunkan secara langsung kepada semua DMJ pada posisi ini. Walaupun begitu, terdapat beberapa perubahan yang telah berlaku dan DMJ sukar untuk menjelaskan terhadap data di posisi tengah perkataan apabila BMP *-i- berubah kepada [-ɛ-] atau [-e-] dalam VPP, [-e-] dalam semua varian, beberapa data DMJ menunjukkan inovasi sporadik. Sebaliknya, data lain kekal [-i-] dalam semua DMJ pada tengah kata. Vokal BMP *a, data kedua, ditemui pada permulaan kata, suku kata pra-akhir dan akhir kata dan ia dihantar secara langsung ke semua DMJ pada posisi ini. Walaupun demikian, terdapat beberapa perubahan yang telah berlaku dalam DMJ dan agak sukar untuk menjelaskan data yang ditemui di tengah dan akhir perkataan. Di posisi tengah kata ini, BMP *-a- berubah menjadi [-a-], [-ɔ-] atau [-ə-] dalam varian Kelanang dan Permatang Pasir, namun menjadi [-ə-] dalam varian Bandar. Sebaliknya, data lain yang ditemui kekal [a] untuk semua DMJ di posisi tengah kata. Item yang berada di nombor 3 di posisi akhir kata dalam beberapa data menunjukkan inovasi teratur telah terjadi dalam semua DMJ apabila BMP *-a berubah menjadi [-ə] pada semua varian.

BMP *-ə- berubah secara teratur menjadi vokal [-a-] di kedudukan suku kata pra akhir perkataan tertutup, seperti yang ditunjukkan melalui Data 4 dalam Jadual 8. Seperti yang ditunjukkan melalui Data 5, vokal BMP *u hadir pada posisi awal kata, tengah kata dan suku kata akhir dan ia diturunkan secara langsung ke semua varian DMJ pada posisi ini. Namun demikian, inovasi sporadis telah terjadi di posisi tengah perkataan apabila BMP *-u- berubah menjadi [-u-], [-o-] dalam varian Bandar, dan menjadi [-u-], [-o-] atau [-ɔ-] dalam varian Kelanang dan Permatang Pasir. Sebaliknya, data yang lain [*-u-] pula diturunkan secara terus dalam kesemua varian.

Hasil analisis perselisihan fonetis ini menunjukkan bahawa terdapat tiga inovasi yang berlaku secara teratur dalam semua varian, seperti yang ditunjukkan pada item yang bernombor 3 dan 4. Inovasi secara teratur yang telah terjadi untuk semua varian ini menunjukkan kesemua varian ini mengalami perubahan daripada bentuk purbanya. Keteraturan inovasi secara sporadik dalam varian Bandar pada Data 1, 2 dan 5 menunjukkan keretakan yang dikira agak jauh varian ini daripada BMP berbanding varian Kelanang dan Permatang Pasir. Keretakan atau keterpisahan yang berlaku ini dapat dikaitkan dengan faktor varian Bandar iaitu sebuah kampung tradisional, berfungsi sebagai pusat pentadbiran kedua di Selangor selepas Kuala Selangor. Sekiranya dilihat dalam semua inovasi daripada item 1 sehingga 5, hubungan varian Permatang Pasir didapati agak rapat dengan BMP kerana kekerapan dan inovasi dari bentuk purba kelihatan sedikit berbanding dengan varian bandar dan Kelanang.

Kesimpulan

Kajian ini jelas menunjukkan bahawa varian DMJ ialah dialek Melayu yang memiliki ciri yang unik dalam tiga bidang ini setelah melalui atau berlakunya proses fonetik dan fonologi. Oleh itu, perbandingan tahap rendah atau rekonstruksi tahap rendah disebabkan oleh kepelbagaian DMJ dalam BMP ini. Hubungan antara BMP dengan DMJ yang dilaksanakan ini telah menjawab beberapa persoalan yang belum diselesaikan berkenaan asal-usul DMJ ini dan secara tidak langsung telah membuka fikiran baharu tentang inventori fonem BMP dan perbandingan antara varian DMJ dengan BMP. Penyelidikan tentang dialek ini merupakan salah satu bidang yang semakin diminati. Oleh itu, kerana minat dan keterujaan yang sangat mendalam bagi mengetahui tentang perbandingan ini, kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah ilmu perbandingan tradisional. Oleh itu, kaedah tradisional ini boleh dianggap sebagai satu kajian "rintis" perbandingan tahap rendah antara DMJ dengan BMP. Bagi penulis, penggunaan kaedah ini merupakan salah satu usaha untuk memperincikan dan memantapkan lagi kajian dalam bidang ini bagi melihat

hubungan rapat atau jauh antara varian DMJ yang dikaji dengan BMP. Dengan menggunakan kaedah yang sama, kajian lanjut yang membandingkan BMP dengan dialek lain dicadangkan.

Rujukan

Adelaar, K.A. 1985. *Proto-Malayic: The reconstruction of its phonology and parts of its lexicon and morphology*. PhD diss., University of Leiden.

Asmah Haji Omar. 1993. *Susur galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. 1991. *Kepelbagaian fonologi dialek-dialek Melayu*. 2nd Ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bellwood, P. 1985. A hypothesis for Austronesian origins. *Asian Perspectives* 26(1): 107–117.

Campbell, L. 2004. *Historical linguistics: An introduction*. Edinburgh University Press.

Campbell, L. 2001. *Historical linguistics: An introduction*. Cambridge: The MIT Press.

Collins, J.T. 1997. Ilmu linguistik: Perbandingan teori dan kenyataan. *Jurnal Dewan Bahasa* 12(19): 1080–1087.

Collins, J.T. 1996. *Khazanah dialek Melayu*. Selangor, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Collins, J.T. 1989. *Antologi kajian dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Collins, J.T. 1986. *Penyusunan salasilah bahasa Melayu di Malaysia*. Selangor, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Crowley, T. 1992. *An introduction to historical linguistics*. Auckland: Oxford University Press.

Dyen, I. 1965. *A lexicostatistical classification of the Austronesian languages*. Baltimore: Waverly Press.

Fox, A. 1995. *Linguistic reconstruction: An introduction to theory and method*. Oxford: Oxford University Press.

Hudson, A.B. 1970. A note on Selako: Malayic Dayak and Land Dayak languages in Western Borneo. *The Sarawak Museum Journal* 18(36–37): 301–318.

Ismail Hussein. 1973. Bidang leksikostatistik dan pengelompokan dialek-dialek Melayu di Semenanjung Malaysia. *Dewan Bahasa* 17(7): 291–302.

Kaharuddin and Rahim Aman. 2011. Hukum bunyi dalam bahasa Indonesia dan bahasa Makassar. *Jurnal Melayu* 7: 287–302.

Kern, H. 1889. Taalkundige gegevens ter bepaling van het stamland der Maleisch-Polynesische volkeren. In *Verspreide Geschriften*, vol. 7, 105–120. 's-Gravenhage: Martinus Nijhoff.

Mahsun. 1995. *Dialektologi diakronis: Sebuah pengantar*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.

Mohd Sheffei. 1991. *Kaedah penyelidikan ilmiah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman and Shahidi Abdul Hamid. 2014. *Fosil dialek Melayu Hulu Pahang*. Selangor, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mumad Chelaeh, Rahim Aman, Shahidi Abdul Hamid, Nazihah Najwa Othaman, Suhailah Ruslan, Nooraniza Abu Bakar, Rusydiah A. Salam, Fatin Hakimah M. Fadzil and Miss Deela Sinur. 2017. Penerokaan maklumat linguistik dalam dialek Melayu Jugra: Penelitian fonologi struktural. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities* 12(3): 1–29.

Norfazila Ab Hamid. 2020. Komunikasi lisan dialek Melayu Jugra. *Jurnal Melayu* December(Special Issue): 517–529.

Norfazila Ab Hamid. 2019. Kajian fonetik varian Kelanang: Dialek Melayu Jugra Selangor. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities* 16(2): 1–13.

Norfazila Ab. Hamid. 2018. Kajian awal dialek Melayu Jugra Varian Bandar. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 5(2): 194–206.

Norfazila Ab Hamid, Shahidi Abdul Hamid, Rahim Aman, Norhasliza Ramli, Zulayti Zakaria and Ery Iswary. 2022. Malay dialect variants in Langkawi: A diachronic perspective analysis. *Journal of Nusantara Studies* 7(1): 142–167. https://doi.org/10.24200/jonus.vol7iss1pp142-167

Rahim Aman. 2008. *Linguistik bandingan bahasa Bidayuhik*. Selangor, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rahim Aman, Norfazila Ab. Hamid and Shahidi Abdul Hamid. 2015. Rekonstruksi vokal dan diftong bahasa Melanau Purba. *GEMA Online Journal of Language Studies* 15(1): 189–206. https://doi.org/10.17576/gema-2015-1501-11

Ringe, D. and Eska, J. 2013. *Historical linguistics toward a twenty-first century reintegration*. Cambridge: Cambridge University Press.

Shahidi Abdul Hamid, Mohamad Firdaus Azaharuddin, Rahim Aman and Muhamad Syahmi Shabri. 2020. Pemetaan isoglos varian dialek Terengganu berasaskan aplikasi sistem maklumat geografi. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space* 16(4): 179–196. https://doi.org/10.17576/geo-2020-1604-13

Shahidi Abdul Hamid, Mohamad Firdaus Azaharuddin and Rahim Aman. 2019. Variasi leksikal ganti nama diri dalam varian Ulu Berang. *Akademika* 89(Special Issue): 125–137. https://doi.org/10.17576/akad-2019-89IS1-10

Shahidi Abdul Hamid and Mohamad Firdaus Azaharuddin. 2023. *Merunut varian Lembangan Sungai Terengganu: Aplikasi sistem maklumat geografi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.